

Qalam

Bilangan 32 – Jamadil Akhir 1372 – Mac 1953 – Senaskah 60 sen.

KEMERDEKAAN KITA

Wakil-wakil UMNO dan wakil-wakil MCA telah mengadakan persidangan meja bulatnya baru-baru ini yang dalam persidangan itu harus telah dirundingkan perkara-perkara berkenaan dengan cita-cita kemerdekaan Malaya pada masa yang akan datang. Di dalam persidangan itu harus telah diadakan suatu ulur tarik bagi menentukan hak-hak Melayu dan Cina di dalam kemerdekaan yang akan datang yang sekarang heboh dicakap-cakapkan hendak mencapainya di dalam masa yang sesingkat singkatnya.

Jika benar telahan ini maka sudah tentu tergambar bahawa kedua-dua pertubuhan itu sedang berikhtiar mencari kerjasama menuju kepada kemerdekaan yang tersebut di dalam kerjasama itu adakah telah ternampak oleh pihak UMNO akan apa pengorbanan-pengorbanan yang akan diberi oleh anak-anak dagang itu kepada orang-orang Melayu? Pertanyaan ini kita datangkan adalah kerana kita melihat bahawa di dalam tiap-tiap suatu rundingan yang diadakan dengan tujuan menuntut kemerdekaan itu maka kita jua yang sentiasa memberi pengorbanan sedang daripada mereka itu tidak terbukti barang sedikit jua pun balasan-balasannya.

Kita suka menarik perhatian penganjur-penganjur Melayu tatkala menghendaki kemerdekaan itu adakah kemerdekaan yang dikehendaki dan dihajati oleh mereka itu suatu kemerdekaan “yang ditaja” oleh McDonald? atau adakah kemerdekaan itu bersih dan meliputi kehendak-kehendak kita? Atau adakah kemerdekaan itu bermakna menghapuskan

sama sekali hak-hak kita dalam negeri kita sendiri?

Kalau sekiranya kemerdekaan itu dikatakan bersih Dan mengikut pula kehendak dan corak kita maka keadaan-keadaan yang terjadi hari ini menunjukkan bahawa yang demikian itu tidak akan didapati kerana orang-orang yang diharap hendak dibawa bekerjasama itu belum lagi menunjukkan yang mereka akan mengangkat kita dari lembah kemelaratan tetapi sebaliknya hendak membenamkan kita sama ada dengan cara tepat atau tidak ke dalam lembah hilang taraf di dalam negeri kita sendiri.

Buktinya universiti Cina telah dicadangkan yang tempatnya sebagai lawan kepada universiti Melayu yang ditaja oleh kerajaan, dengan harapan hendak menjadikan Melayu merdeka bercorak keinggerisan. Universiti Cina tidak syak lagi akan membawa kebudayaan Cina sebanyak-banyaknya ke mari dan harus nanti akan menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa yang kedua di Malaya ini. Buktinya yang lain lagi telah nyata dan terang di hadapan mata kita iaitu mereka itu adalah suatu bangsa muzabzab yang belum lagi menentukan perdirian mereka. Apabila kerajaan Amerika menarik balik angkatan lautnya daripada melindungi A' Famosa maka mereka beramai-ramai bercadang menghantar telegram kepada Amerika supaya kerajaan Amerika membantu Chiang Kai Shek melancarkan serangan ke tanah besar China. Apa ertinya ini? Inikah orangnya yang diharapkan akan menaruh taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintahan Melayu? Banyak lagi bukti-bukti yang lain yang tidak payah kita terangkan di sini kerana orang-orang kita sudah cukup mengetahuinya satu persatu.

Kita hanya memberi ingat kepada penganjur-penganjur kita bahawa mereka mesti berhati-hati dan jangan membawa perasaan bersendiri sahaja di dalam perkara yang mengenai bangsa. Kita mesti mengajak bermesyuarat tiap-tiap peringkat bangsa untuk menghadapi segala percubaan menghapuskan hak-hak kita. Kita memandang berat bahawa langkah menghapuskan huruf Jawi dan akan membelakangkan kebolehan-kebolehan orang berbahasa Melayu itu bermakna menghapuskan pekerjaan yang boleh

dijalankan oleh orang-orang kita di dalam jabatan-jabatan kerajaan. Kita mesti memandang bahawa meluaskan pelajaran-pelajaran Inggeris di dalam Tanah Melayu ini bermakna membukakan peluang yang sebesar-besarnya kepada anak-anak dagang merebut peluang yang ada kepada kita semuanya akan diinggeriskan bermakna menurut pandangan kita, membanyakkan orang-orang putih dan lain-lain orang yang buka Melayu memegang jawatan tinggi yang sekarang ini dipegang oleh orang-orang kita. Menghendakkan penghulu-penghulu mesti berkelulusan Inggeris adalah membawa corak kepada aliran yang tersebut sampai pegawai-pegawai Daerah terdiri daripada bangsa mereka itu dengan tidak payah lagi pegawai-pegawai putih itu berkelulusan di dalam bahasa Melayu. Sepanjang yang kita ketahui bahawa penghulu-penghulu itu hanya menguruskan hal ehwal orang kampungnya dan tidak perlu mesti berkelulusan Inggeris. Jadi perubahan berkehendakkan penghulu-penghulu itu berkelulusan Inggeris tidakkah membayangkan kepada kita seakan-akan ditunjukkan hendak menginggeriskan Melayu dalam masa kemerdekaan yang akan datang?

Jika corak yang demikian itu akan menjadi corak kemerdekaan Melayu yang akan datang maka bukanlah itu suatu kemerdekaan yang kita kehendaki. Kemerdekaan yang kita kehendaki ialah kemerdekaan untuk kita-kita yang menentukan bukan orang lain. Oleh yang demikian di dalam hal-hal yang mengenai pertadbiran yang dijalankan dalam masa darurat, iaitu mana-mana yang merugikan kedudukan kita, marilah kita bantah bersama kerana langkah-langkah yang demikian itu tidak salahnya bermakna “lulusan jarum, luluskan kelindan” adanya.

* * *

TULISAN JAWI

Dalam rencana pengarang mingguan utusan kanak-kanak keluaran 9 Februari yang lepas di bawah tajuk seperti yang tersebut di atas maka pengarangnya telah membawa suatu tulisan yang kita pandang bukan sebagai bacaan kanak-kanak tetapi adalah sebagai bacaan orang-orang dewasa. Kalau kita perhati

dengan saksama adalah rencana itu diasaskan atas satu keputusan perbincangan di antara murid-murid sekolah di radio Malaya. Rencana itu menerangkan bahawa tulisan Jawi akan hapus tidak berapa lama lagi di Malaya ini. Kalau kita perhati hujah-hujah pengarang itu adalah membayangkan kepada kita dengan terangnya yang menjadi asas di dalam perkara itu ialah kerana kerajaan telah menetapkan sama ada tepat atau tidak akan hapusnya huruf Jawi di dalam sekolah-sekolah Melayu sebagaimana yang telah dijalankan di Singapura ini sehingga bahasa Melayu itu pun telah tiba masanya “untuk dihapuskan” di sekolah-sekolah itu. Rancangan yang seumpama ini patut dibangkang oleh tiap-tiap seorang, pertubuhan-pertubuhan dan akhbar-akhbar Melayu. Kita hendaklah memandang jauh iaitu apakah ertinya membuang huruf-huruf Melayu itu dari segi agama dan kebudayaan kita pada masa yang akan datang? Di dalam rencana itu pengarangnya telah membayangkan bahawa “tulisan Jawi semenjak dari lebih kurang 50 tahun dahulu telah digantikan tempatnya oleh huruf rumi di Indonesia dan tulisan Jawi hanya digunakan di Tanah Melayu sahaja lagi dan itu pun bersaing dengan tulisan rumi.” Ini adalah berlawanan dengan keterangan yang kita dapati dan kita ketahui dengan secukup-cukupnya.

Perkara tulisan Jawi di Indonesia adalah berlawanan dengan keterangan yang di bawa oleh rencana pengarang itu. Pujangga Hamka telah menulis di dalam majalah ini beberapa kali tentang bahaya huruf rumi di Indonesia. Selain daripada itu sebab-sebab yang menjadi huruf Jawi itu tidak mendapat keutamaan ialah di Indonesia itu boleh di kata hampir-hampir tidak ada penerbitan yang menulis dengan huruf Jawi dan dengan kerana itu bacaan umum tidak ada dalam huruf Jawi selain daripada syair-syair lama dan riwayat-riwayat tua padahal hajat kepada yang demikian sangat banyak, yang di antaranya banyak permintaan-permintaan supaya kita mengiriskan buku-buku dan majalah-majalah kita ke sana, tetapi tidak dapat berjalan disebabkan oleh tukaran wang.

(Sambungan di muka 40)